

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YUP 401 - Dasar Dan Perancangan Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab mana-mana 4 (empat) soalan, sumbangan setiap soalan adalah 25 markah.

1. (a) Apakah bukti yang digunakan untuk menyokong dakwaan bahawa Negara Dunia Ketiga mengalami satu bentuk imperialisme media? Anda boleh menghadkan jawapan dengan merujuk kepada sebuah buku atau seorang sarjana (misalnya Cees Hamelink atau Herbert Schiller).

(b) Berapa banyak sokongan yang bukti-bukti ini menyumbang kepada dakwaan tersebut?

(25 markah)

2. Perkhidmatan pertukaran berita selatan-selatan, menurut Andrew Szende di dalam buku From Torrent to Trickle: Managing the Flow of News in South-east Asia, menghadapi satu dilema asas. Apakah dilema ini seperti mana yang ditunjukkan oleh Asean News Network (ANN)? Bagaimana dilema ini diselesaikan sekarang dan apakah prospek ANN di masa hadapan?

(25 markah)

3. Bagaimana dan di dalam cara mana komunikasi pembangunan boleh dianggap sebagai kompromi perdebatan di antara penyokong aliran bebas maklumat bertentangan dengan aliran seimbang maklumat? Apakah langkah dasar mendorong dan menghindar pelaksanaan jenis komunikasi ini di dalam akhbar Asia?

(25 markah)

4. (a) Apakah yang Nora dan Minc cadangkan sebagai perkembangan utama teknologikal yang akan menjelmakan "data processing" kepada "telematics"?
- (b) Apakah langkah-langkah yang fikir Perancis ambil untuk menghadapi cabaran "computerisation" ini?
- (c) Adakah anda berpendapat bahawa langkah-langkah tersebut munasabah bagi Malaysia? Sila terangkan.
- (25 markah)
5. Menurut Prof. Pool di dalam buku, Technologies of Freedom, kedua-dua model dasar "common carriage" dan model dasar pasaran tidak digunakan untuk mengawasi radio dan televisyen Amerika Syarikat. Kenapa beliau berpendapat bahawa trend ini akan akhirnya menghancurkan kebebasan keseluruhan media Amerika Syarikat?
- (25 markah)
6. Apakah langkah-langkah dasar (bincangkan empat) yang digunakan untuk menghadkan atau mengubahsuai monopoli pengiklanan TNAs di dalam negara-negara membangun seperti Indonesia atau Malaysia. Bincangkan keberkesanan relatif langkah-langkah tersebut dengan menggunakan contoh berlainan daripada satu atau kedua-dua negara tersebut.
- (25 markah)
7. Berdasarkan persembahan kelas dan bahan bacaan, bincangkan mana-mana empat konsep berikut:
- a. dominasi pasaran (market dominance)
 - b. darjah pergantungan (dependency)
 - c. pemajmukan (pluralism)
 - d. pemusatan pemilikan media (concentration of media ownership)
 - e. cross-subsidy
 - f. New World Information Order
- (25 markah)

8. Tulis nota ringkas bagi mana-mana empat yang berikut:

- a. aliran bebas maklumat berita
- b. hak cipta software komputer dari segi negara Dunia Ketiga
- c. pemberitaan secara negatif untuk negara Dunia Ketiga
- d. penilaian dasar
- e. kesan "electronic database" terhadap negara Dunia Ketiga
- f. peranan penyiaran di dalam pembangunan kebudayaan negara Dunia Ketiga.

(25 markah)

-ooo000ooo-